

## **Enka pada zaman kontemporari : cabaran dan masa depannya**

Saiyid Radzuwan Syed Sopi

*Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Bahagian Sains Politik, Universiti Sains  
Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang  
pbsaiyid@usm.my*

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti mengapakah kerajaan Jepun melihat enka sebagai satu hiburan klasik yang perlu dikekalkan identitinya walaupun proses globalisasi dan pemodenan telah berjaya meresap masuk ke dalam kehidupan masyarakat dan budaya Jepun. Selanjutnya, seni kata enka seperti あなた (anata), お前 (omae), 恋 (koi) dan 愛 (ai) akan dipilih dengan teliti mengikut jantina dan proses ini penting untuk menarik minat pendengar secara konsisten. Lagu enka sengaja dicipta dengan diiringi muzik yang begitu mengasyikkan dan semua ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi identiti tradisional enka. Dari sudut psikologi, kealpaan rakyat boleh dipertingkatkan dengan melibatkan mereka dengan pelbagai hiburan yang begitu mengasyikkan dan daripada faktor tersebut, rakyat tidak akan begitu mempedulikan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, kesempatan ini memberikan peluang kepada parti pemerintah untuk melakukan pelbagai tindakan yang memberikan keuntungan kepada mereka dan sama ada setiap tindakan yang dilakukan oleh mereka mematuhi undang-undang negara atau sebaliknya tidak menjadi persoalan. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa enka akan kekal sebagai hiburan klasik kerana Jepun mengamalkan dasar negara yang stabil dan kerajaan melihat enka sebagai sumber ekonomi. Selain itu, enka boleh dijadikan sebagai unsur hiburan yang mengasyikkan sehingga membolehkan kerajaan memanipulasi dan menjadikan enka sebagai senjata untuk memperkukuh kuasa. Rakyat akan dialunkan dengan hiburan yang melalaikan dan situasi ini akan menyebabkan mereka tidak mempedulikan senario yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, kesempatan sedemikian memberikan ruang kepada kerajaan untuk terus berkuasa.

*Kata kunci : enka, propaganda muzik, penyokong tegar, klasik dan kuasa*

### **Pendahuluan**

Enka merupakan hiburan tradisional rakyat Jepun dan pada pandangan mereka, hiburan tersebut masih lagi relevan untuk dipelihara dan dikekalkan walaupun dunia sudah memasuki era pemodenan yang sarat dengan pelbagai teknologi canggih. Tambahan pula, enka berjaya mengekalkan peminat setianya dan ramai daripada mereka bertaraf veteran walaupun terdapat segelintir golongan muda yang meminati enka. Selain itu, peminat enka merangkumi pelbagai lapisan masyarakat sama ada mereka masih lagi bekerja atau sebaliknya dan bermastautin di bandar atau luar bandar. Enka bukan sahaja berjaya menarik minat masyarakat Jepun, tetapi masyarakat bukan Jepun juga menunjukkan minat yang serupa seperti rakyat Jepun. Bagaimanakah Jepun masih mampu memelihara

identiti enka sungguhpun dunia dilanda proses globalisasi pemodenan? Selain itu, banyak syarikat penyediaan kemudahan *internet* di Jepun berlumba-lumba hendak mengejar status pemodenan dan proses ini akan secara beransur-ansur boleh melenyapkan nilai-nilai tradisional kehidupan manusia.

Secara dasarnya, desakan untuk pemodenan diklasifikasikan sebagai naluri semula jadi manusia dan mereka tidak boleh mengelakkan diri daripada mengaplikasikan kelebihan teknologi. Realitinya, kemunculan teknologi moden memudahkan kehidupan seharian manusia dan banyak tugas boleh disiapkan dalam jangka masa yang singkat. Sebagai contoh, suasana di bank sebelum kehadiran teknologi memperlihatkan bahawa rakyat terpaksa berurusan di kaunter dan beratur panjang hanya semata-mata untuk melakukan sesuatu transaksi yang mudah. Namun, terciptanya teknologi atas talian telah memudahkan urusan perbankan dan senario sedemikian telah membuka ruang perniagaan yang luas kepada industri *internet* untuk memperbanyakkan peranti teknologi. Justeru, teknologi moden memberikan impak yang positif dalam kehidupan manusia dan persoalan seterusnya ialah bagaimana kerajaan Jepun masih mampu mengekalkan ketradisional enka di celah-celah kemodenan teknologi?

Sementara itu, enka berjaya membina empayar kekuatannya dengan menghasilkan pendengar pasif dan kekerapan lagu enka muncul di televisyen atau pusat hiburan seperti *karaoke* memberikan isyarat bahawa enka masih mempunyai pasaran dalam kalangan masyarakat Jepun. Selain itu, dengan kejayaan enka mengembangkan popularitinya dalam industri muzik Jepun, maka enka dijangka akan dinobatkan sebagai hati dan jiwa rakyat Jepun (Wajima, 2010). Penyanyi enka wanita akan berpakaian kimono dan komposisi muzik sengaja disusun untuk membangkitkan nilai tradisional Jepun atau dalam perkataan lain memori kolektif yang dibingkaikan secara nostalgia (Yano, 2002, hlm 5). Sebagai perbandingan, penyanyi lelaki mempunyai pilihan sama ada berpakaian barat atau tradisional manakala kebanyakan penyanyi wanita memilih untuk memakai pakaian kimono. Nilai tradisional yang dipamerkan oleh penyanyi, pemuzik, latar belakang pentas dan suasana dewan sengaja diwujudkan agar seni hiburan tradisional Jepun dan tahap sokongan kepada enka terus terpelihara.

Jepun telah membuktikan kepada dunia bahawa mengekalkan ketradisional dalam kemodenan boleh direalisasikan dan fenomena yang boleh menjelaskan kenyataan tersebut adalah dengan terpeliharanya seni hiburan enka dalam masyarakat Jepun. Pada pandangan ahli sosiologi, pengekal nilai tradisional dalam sesebuah masyarakat atau negara mampu melahirkan masyarakat yang patriotik dan membina identiti nasional yang kukuh. Namun, jika dianalisis dari sudut politik, sokongan yang kuat terhadap 'status quo' dan nilai-nilai tradisi di Jepun menghalang proses pemodenan sosial dan politik masa kini dan masa depan (Langdon, 1967, hlm 74-75). Sikap individu yang cenderung dan juga terkongkong kepada kumpulannya sendiri menimbulkan sikap berpuak-puak, khususnya dalam politik Diet. Tambahan pula, parti politik dilihat sebagai sebuah organisasi yang hanya dikerumuni oleh pengikut peribadi pemimpin masing-masing dan senario sedemikian menghalang parti daripada berfungsi sebagai sebuah parti politik yang berdaya saing.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana pemilihan seni kata lagu enka dilakukan dengan teliti dan setiap seni kata tersebut dijadikan platform oleh penyanyi untuk meluahkan perasaan mereka. Pemilihan penyanyi dilakukan secara rawak dan bertaraf veteran dan antara penyanyi yang diberi tumpuan dalam kajian ini adalah Kozai Kaori, Ishikawa Sayuri dan Yoshi Ikuzo. Pencipta lagu akan memilih seni kata yang bersesuaian dengan jantina penyanyi dan setiap penyanyi akan berusaha untuk menyampaikan lagu mereka dengan penuh bersemangat. Sebagai contoh, dalam merujuk kepada pasangan hidup, penyanyi wanita gemar menggunakan perkataan anata (あなた) berbanding lelaki yang lebih cenderung kepada perkataan omae (お前). Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai maksud yang serupa, tetapi penggunaan perkataan lebih tertumpu kepada perbezaan jantina. Begitu juga dengan perkataan ai (愛) atau koi (恋) yang bermaksud kasih sayang dan perkataan tersebut sering digunakan secara timbal balik tanpa mengambil kira perbezaan jantina.

Secara dasarnya, penyanyi enka akan berusaha untuk mengekalkan identitinya sebagai penyanyi lagu tradisional sejak mula beliau menceburi bidang nyanyian sehinggalah mencapai taraf veteran. Sebagai perbandingan, banyak lagu tradisional Melayu semakin hilang ditelan arus pemodenan dan masyarakat Malaysia kini lebih cenderung ke arah aspek pemodenan berbanding mengekalkan nilai-nilai tradisional. Lagu-lagu tradisional Melayu seperti makyung, ghazal, dondang sayang dan boria semakin hari semakin pupus dan ramai generasi muda tiada pengetahuan atau kurang berminat dengan lagu-lagu tradisional. Secara dasarnya, arus pemodenan sering dikaitkan dengan faktor globalisasi dan elemen globalisasi bukan sahaja terbatas kepada muzik atau budaya, malahan ia merangkumi pelbagai unsur seperti ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya. Namun, walaupun Jepun sudah mencapai status negara maju dan dunia pun mengiktiraf kehebatan mereka dari sudut ekonomi, negara itu masih mampu mempertahankan kemodenan secara tradisional dan salah satu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh rakyat Jepun ialah apabila identiti enka dapat dikekalkan.

Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti apakah objektif yang mendorong kerajaan Jepun berusaha bersungguh-sungguh hendak mengekalkan identiti enka sebagai hiburan tradisional walaupun banyak unsur kemodenan telah berjaya meresap masuk ke dalam budaya dan hiburan Jepun. Dari sudut politik, pengekalan identiti tradisional memberikan kelebihan kepada pemimpin politik dalam mengekalkan kuasa. Hal ini kerana terdapat ramai pengundi Jepun khususnya di luar bandar yang masih memberikan sokongan kepada Parti Demokratik Liberal (Liberal Democratic Party – LDP). Umum mengetahui bahawa LDP merupakan parti pemerintah dan ramai pemimpin LDP menyedari bahawa kuasa politik harus dikekalkan untuk tempoh yang panjang. Oleh itu, strategi yang paling berkesan untuk membolehkan mereka berkuasa ialah menghalang pemodenan dalam pemikiran masyarakat luar bandar Jepun. Justeru, kajian ini akan menganalisis apakah kaitan antara enka dengan pemimpin politik dan bagaimana pemimpin parti melihat enka sebagai salah satu senjata utama mereka untuk mengekalkan kuasa.

## Reaksi dan kajian lanjutan

Secara dasarnya, penyanyi enka akan mempersembahkan nyanyiannya dengan penuh emosi dan setiap penyanyi enka akan cuba mengekalkan penampilan perwatakan, saiz fizikal dan alunan suara yang konsisten. Realitinya boleh diperhatikan sejak beliau mula berkecimpung dalam dunia enka sehinggalah mencapai taraf veteran. Selain itu, lagu atau muzik boleh juga digunakan sebagai salah satu instrumen untuk meluahkan emosi sama ada perasaan suka, ucapan terima kasih, cinta akan negara dan sebagainya. Sebagai contoh, pelakon dalam filem Hindi atau Tamil akan mendendangkan lagu untuk meluahkan perasaan kepada pasangannya dan sering kali lagu yang dipersembahkan itu berunsur cinta. Begitu juga dengan kerajaan pemerintah yang akan mengaplikasikan lagu sebagai propaganda politik atau doktrin untuk memastikan rakyat akan terus memberikan sokongan kepada mereka. Parti pemerintah menyedari bahawa lagu boleh dijadikan senjata yang berkesan untuk menyampaikan mesej kepada rakyat dan tahap kekerapan lagu itu dimainkan seharusnya tinggi.

Media elektronik di Jepun amat jarang atau boleh dikatakan tiada langsung memainkan lagu patriotik, propaganda parti politik, penyebaran ideologi parti atau mengagungkan pemimpin negara. Tanpa penyebaran doktrin melalui media massa, bagaimanakah rakyat Jepun begitu setia kepada negaranya dan hampir kesemua rakyatnya cinta akan budaya, bahasa dan adat resam mereka. Persoalan sedemikian perlu merujuk kepada pengaruh Meiji (1868-1912) yang berjaya mendidik rakyat Jepun menjadi sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bermoral tinggi. Sebagai perbandingan, media massa di Malaysia semasa zaman pemerintahan Barisan Nasional (BN) sering memainkan lagu yang dicipta khas oleh mereka untuk menyebarkan propaganda politik. Sebagai contoh, lagu “Aku Negaraku” dijadikan lagu tema semasa perhimpunan mingguan di sekolah dan lagu ini digunakan sebagai satu instrumen untuk meracuni pemikiran rakyat. Walaupun seni kata lagu tersebut tidak memaksa rakyat berterima kasih kepada kerajaan, tetapi ia dicipta khas untuk memanipulasikan kesetiaan rakyat kepada parti pemerintah. Justeru, lagu boleh dijadikan sebagai senjata untuk membasuh pemikiran rakyat walaupun tempoh lagu itu dimainkan pendek.

Tambahan pula, lagu yang bersifat propaganda, hasutan, sayangi negara atau patriotik bukan sahaja dimainkan di sekolah, malahan institusi pengajian tinggi pun tidak terkecuali daripada mengamalkan budaya sedemikian. Amalan menyanyikan lagu sebelum sesebuah acara rasmi dimulakan sudah menjadi satu budaya wajib dan kritikan atau teguran akan dikenakan ke atas penganjur jika sekiranya lagu rasmi tersebut tidak dimainkan. Sebagai perbandingan, dalam perlawanan bolasepak peringkat dunia atau sukan berprestij, kebiasaannya lagu kebangsaan negara akan dimainkan sebelum sesuatu perlawanan itu dimulakan dan ini bertujuan untuk menghormati pasukan yang bertanding. Justeru, amalan menyanyikan lagu sebelum sesebuah acara rasmi dimulakan sudah dianggap sebagai satu perkara wajib dan ianya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Malaysia.

Sementara itu, penciptaan muzik dan seni kata lagu yang baik boleh dijadikan sebagai platform untuk menarik minat pendengar. Sebagai contoh, lagu arigato o iitakute

(ありがとうを言いたくて → ingin mengucapkan terima kasih) dendangan Yoshi Ikuzo boleh dijadikan sebagai instrumen untuk menyampaikan mesej kepada individu, kumpulan, masyarakat atau pemimpin. Kandungan lagu itu memfokuskan kepada ucapan terima kasih dan rakyat yang bermoral tidak akan berasa ganjil untuk mengucapkan terima kasih kepada pasangannya, masyarakat atau pemimpin negara. Dari sudut hiburan, lagu ini boleh dianggap sebagai satu mekanisme untuk meluahkan perasaan. Namun, jika dilihat dari sudut politik, isi kandungan lagu tersebut boleh dimanipulasikan oleh pihak berkuasa dengan memberikan tekanan kepada rakyat agar berterima kasih kepada kerajaan atas bantuan yang mereka terima. Ahli politik bijak mencipta konsep terhutang budi secara sistematik dan rakyat akan terperangkap dalam permainan politik tersebut yang sekali gus memaksa mereka memberikan sokongan secara berterusan kepada ahli politik.

Seterusnya, lagu hagureso (流恋草) nyanyian Kozai Kouri disifatkan sebagai sebuah lagu yang mengisahkan tentang perasaan seorang wanita yang menjalani kehidupan seharian secara bersendirian. Tinggal bersendirian di Jepun sudah menjadi amalan biasa dan ada kebarangkalian pasangan hidupnya berada di perantauan atas urusan pekerjaan. Realitinya, masyarakat Jepun yang bertugas di luar negara akan pergi bersendirian kerana pada pandangan mereka, tugas yang diamanahkan mesti diselesaikan terlebih dahulu walaupun keluarga merupakan aset utama. Pemilihan seni kata enka dalam lagu Kozai Kouri dilakukan dengan teliti dan setiap seni kata tersebut dijangka boleh memainkan perasaan seseorang. Tambahan pula, seni kata enka perlu disesuaikan dengan realiti kehidupan masyarakat Jepun dan oleh itu, lahirlah perkataan seperti namida (涙 → air mata), osake (お酒 → minuman keras), sabishii (淋しい → kesedihan), hoshi (欲しい → ingin) dan mune (胸 → dada).

Seni kata enka gemar menggunakan perkataan osake dan persoalannya, mengapa osake dijadikan perkataan popular dan apakah hubungan osake dengan minuman harian rakyat Jepun? Secara dasarnya, fungsi osake hampir sama dengan bir, tetapi osake ialah minuman tradisional masyarakat Jepun. Pada pandangan masyarakat Jepun, meminum osake atau bir dapat memberikan ketenangan jiwa dan untuk meredakan ketegangan tekanan hidup, maka osake dilihat sebagai salah satu penawarnya. Pemilihan seni kata enka dan disesuaikan dengan realiti kehidupan masyarakat Jepun boleh mengasyikkan peminat atau pendengar enka dan senario sedemikian amat diminati oleh golongan ahli politik. Ahli politik gemar kepada masyarakat yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai politik atau mereka yang tidak mempedulikan senario semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Tanpa pengetahuan atau mempedulikan suasana kehidupan seharian, maka kesempatan ini memberikan peluang kepada ahli politik untuk melakukan amalan yang boleh merosakkan sistem pentadbiran negara seperti rasuah, salah guna kuasa dan mencuri hasil negara.

Selanjutnya, mengapakah kebanyakan filem seperti filem Hindi, Tamil, Melayu, Korea dan sebagainya sengaja dicipta dengan memberikan gambaran bahawa hero atau heroin mesti memiliki kemewahan hidup, menjawat jawatan yang berprestij, mempunyai pasangan hidup yang sempurna dan menjalani kehidupan dunia dengan penuh keajaiban? Bagaimanakah seseorang pengarah filem boleh mendorong dirinya berfikir sehingga ke

tahap yang tidak boleh dijangka oleh manusia biasa? Selain gambaran kemewahan, pengarah filem akan menyelitkan lagu-lagu yang boleh mengusik jiwa dan memainkan perasaan penonton. Kesemua ini merupakan sebahagian daripada strategi pemasaran untuk menarik minat rakyat agar mempunyai keinginan untuk menonton filem tersebut yang sekali gus boleh melonjakkan filem itu untuk memenangi anugerah filem tahunan. Realitinya, adegan kemewahan sengaja dicipta agar rakyat yang menonton filem itu melupakan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka. Rakyat dibuai mimpi indah yang mustahil untuk direalisasikan dalam memiliki kemewahan seperti yang dipamerkan dalam filem. Dengan cara sedemikian, maka ahli perniagaan boleh menjana keuntungan yang lumayan tanpa disedari oleh rakyat.

Sebagai kesimpulan, pemilihan seni kata lagu yang bersesuaian dengan realiti kehidupan masyarakat dan penonjolan imej penyanyi yang boleh mengkhayalkan peminat enka dilihat sebagai satu mekanisme yang amat diminati oleh ahli politik dan ahli perniagaan. Setiap tindakan yang dilakukan oleh ahli politik untuk terus berkuasa tidak akan dilakukan secara bersendirian, malahan mereka akan bekerjasama dengan ahli perniagaan untuk memperkukuh kuasa. Ahli perniagaan memerlukan sokongan ahli politik untuk meneruskan perniagaan manakala ahli politik memerlukan dana yang semestinya diperoleh daripada ahli perniagaan. Oleh itu, ahli politik dan ahli perniagaan akan merancang pelbagai aktiviti yang boleh mendapat keuntungan secara maksimum dan rakyat dijadikan sebagai sasaran untuk mengaut keuntungan. Rakyat yang tidak mepedulikan perkembangan ekonomi, politik dan sosial negara sering kali dijadikan sasaran oleh mereka yang berkuasa untuk memperoleh, memperkukuh dan memperluas kuasa. Justeru, hiburan sama ada yang bersifat tradisional atau moden akan dirancang dengan teliti dan hiburan sedemikian boleh dijadikan sumber kuasa yang lumayan kepada ahli politik dan ahli perniagaan.

### **Imej enka**

Menurut Orikon (1993, hlm 96), nilai jualan muzik enka pada 1990-an tidak begitu memberangsangkan, tetapi masyarakat Jepun berpendapat bahawa industri enka harus dipertahankan. Oleh itu, apakah mekanisme yang diatur oleh pihak berwajib, agensi kerajaan atau mana-mana persatuan atau badan untuk memastikan industri enka terus relevan dalam kalangan masyarakat Jepun? Secara dasarnya, enka merupakan muzik tradisional yang berkonsepkan hiburan klasik dan kebanyakan masyarakat Jepun mempercayai bahawa enka sebagai jantung rakyat Jepun (*nihonjin no kokoro*). Kepercayaan sedemikian sesuai dengan tingkah laku rakyat Jepun yang sayang akan adat budaya mereka dan mereka akan cuba sedaya upaya untuk mengekalkan identiti tradisional enka walaupun industri hiburan sudah melangkaui proses pemodenan. Kesetiaan rakyat Jepun dalam memelihara budaya tradisional bukanlah merupakan perbuatan yang ganjil kerana proses pengekalan budaya tradisional dalam dunia moden sudah pun dilaksanakan sejak dinasti Meiji lagi (Kavanagh, 1987, hlm 39).

Justeru, pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri muzik enka telah mengatur pelbagai strategi untuk mengenal pasti siapakah sasaran yang harus diberi tumpuan agar industri enka tidak pupus. Realitinya, penggemar enka terdiri

daripada pelbagai kategori, tetapi peminat tegar muzik tradisional ini lebih banyak tertumpu kepada golongan lelaki dan wanita bertaraf veteran. Selain itu, masyarakat asing yang bekerja atau belajar di Jepun juga meminati enka atas alasan mereka tertarik kepada kesenian alunan muzik dan perwatakan penyanyi yang mengenakan pakaian tradisional. Menurut Yano (1997, hlm 116), terdapat mitos yang mengatakan bahawa golongan yang meminati enka kebiasaannya ialah pekerja berkolar biru berbanding berkolar putih dan penempatan mereka adalah di luar bandar berbanding di bandar. Walau bagaimanapun, mitos tersebut hanyalah spekulasi dan kepercayaan karut masyarakat kerana muzik enka berjaya mendapat sambutan daripada ahli perniagaan berkolar putih yang dilihat sering mendendangkan enka di *karaoke* selepas pulang daripada kerja.

Sehubungan itu, enka mampu mengekalkan identitinya sebagai muzik tradisional apabila ia berjaya menghasilkan peminat tegar dan fanatik, memperoleh sokongan daripada golongan berkolar putih dan mampu menarik peminat atas pagar. Sebagai perbandingan, terdapat persamaan antara strategi muzik dengan politik dalam usaha untuk mendapat sokongan sama ada daripada pendengar, peminat, pengundi, penyokong dan sebagainya. Industri enka memerlukan sokongan peminat untuk membolehkan penciptanya terus berkarya dan begitu juga dengan politik yang mengharapkan sokongan daripada rakyat agar mereka boleh terus berkuasa. Politik akan mencipta penyokong tegar, pengundi fanatik, peminat setia dan yang paling utama ialah mereka akan berusaha untuk mendapat sokongan daripada pengundi atas pagar. Strategi sedemikian merupakan elemen penting kepada ahli politik untuk membolehkan mereka terus berkuasa dan mengekalkan status sebagai parti pemerintah.

Selanjutnya, enka memang sengaja dicipta berkonsepkan hiburan yang menyentuh perasaan, mengasyikkan pendengar dan berupaya mengisi kekosongan jiwa seseorang. Lagu enka boleh diklasifikasikan sebagai satu kaedah kepada pendengar untuk melupakan sementara realiti kehidupan sebenar dan enka juga boleh memberikan ketenangan jiwa kepada peminatnya. Strategi yang diatur oleh pencipta, penulis lirik dan penggubah muzik enka boleh dikategorikan sebagai satu propaganda muzik yang bertujuan untuk mengumpul seramai mungkin peminat, pendengar dan pencinta muzik tradisional. Propaganda sedemikian dilihat sebagai senjata penting kepada industri enka kerana tanpa sokongan daripada peminat tegar dan sebagainya, maka industri enka akan musnah. Justeru, pihak yang terlibat secara langsung dalam industri enka akan menyusun, mengenal pasti dan memperluas pasaran muzik enka agar industri mereka terus mendapat sokongan daripada pendengar. Perancangan sistematik membolehkan industri enka bertahan sehingga penulisan ini disempurnakan walaupun pengaruh globalisasi telah menyebabkan dunia dilanda arus permodenan tanpa sempadan.

Propaganda bukan sahaja senjata kepada muzik enka, malahan dunia politik juga tidak terkecuali daripada menggunakan strategi tersebut. Parti pemerintah mempunyai pelbagai sumber untuk melaksanakan propaganda mereka dan salah satu kaedah yang berkesan untuk mempengaruhi pemikiran rakyat ialah melalui media hiburan. Sebagai contoh, BN sering menggunakan televisyen untuk menyiarkan agenda politik mereka dan melalui saluran ini, mereka berharap rakyat akan terus memberikan sokongan kepada

mereka. Rakyat yang kurang ilmu dan tidak begitu mengikuti perkembangan semasa akan mudah terpengaruh dengan propaganda parti politik. Selain itu, kaedah sebegini dilihat sebagai satu mekanisme yang boleh melahirkan penyokong tegar, pengundi fanatik dan peminat setia kepada BN. Tambahan pula, BN sering menggunakan khidmat tentera siber untuk menyebarkan propaganda politik mereka melalui alam maya dan semua ini bertujuan untuk pengekalan kuasa. BN bimbang akan kehilangan kuasa dan propaganda politik dilihat sebagai salah satu strategi yang mampu memperkukuh kekuasaan mereka sebagai parti pemerintah.

Sementara itu, walaupun industri enka berjaya melahirkan ramai peminat tegar, tidak bermakna industri enka boleh menjana keuntungan melalui penjualan album. Kajian Yano (1997, hlm 117) mendapati bahawa jualan album enka tidak begitu memberangsangkan berbanding muzik pop. Senario ini membuktikan bahawa tiada jaminan sesebuah industri, organisasi atau parti politik akan meraih keuntungan sama ada berbentuk kewangan atau sokongan moral walaupun jumlah keahliannya ramai. Selain itu, cabaran lain yang dihadapi oleh industri hiburan ialah terdapat banyak laman web yang menyediakan muat turun lagu percuma dan kemudahan sedemikian akan menyebabkan peminat akan beralih kepada lagu simpanan digital berbanding berbentuk rakaman. Tambahan pula, faktor globalisasi dilihat sebagai punca berlakunya anjakan paradigma yang mendorong peminat menukar cara kehidupan mereka daripada cara konvensional kepada moden. Oleh itu, ternyata bahawa kemudahan kehidupan moden berjaya menarik minat masyarakat untuk menukar gaya hidup dan mereka lebih gemar mengaplikasikan kecanggihan teknologi kerana ia dapat menjimatkan masa, wang dan tenaga.

Parti politik juga mengalami nasib yang serupa seperti industri enka apabila sokongan daripada pengundi tegar tidak begitu membantu mereka untuk memenangi sesuatu pilihan raya. Sebagai contoh, parti politik sering meuar-uarkan retorik politik dengan menegaskan bahawa mereka akan memperoleh kemenangan mudah jika terlibat dalam pilihan raya kerana keahlian partinya yang ramai. Namun, secara realitinya, pengundi tegar boleh memberikan undi kepada parti lawan jika mereka mendapat tawaran yang lebih menarik daripada parti tersebut (Saiyid Radzuwan, 2017, hlm 75). Justeru, banyak parti politik gagal mengekalkan statusnya sebagai parti pemerintah disebabkan oleh musnahnya kesetiaan penyokong tegar atau fanatik. Selain itu, isu-isu global seperti kos sara hidup boleh mengubah pendirian penyokong tegar untuk tidak memberikan sokongan kepada parti kesukaan mereka. Hal ini sedemikian kerana mereka berpendapat bahawa parti politik tersebut gagal memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan sudah sampai masanya kuasa memerintah diberikan kepada parti alternatif.

Kesimpulannya, enka akan mengekalkan identitinya sebagai muzik tradisional walaupun industri muzik mengalami perubahan dari sudut teknologi dan ancaman daripada pengaruh *internet*. Kecanggihan teknologi moden boleh mengubah gaya hidup sesebuah masyarakat dan pihak yang terlibat secara langsung dengan dunia enka harus berwaspada dengan perubahan ini. Fenomena ini juga melibatkan parti politik kerana faktor globalisasi tidak hanya memfokuskan enka, malahan ia meliputi pelbagai elemen dalam kehidupan masyarakat. Sebagai contoh, walaupun parti pemerintah mempunyai



kuasa untuk melaksanakan retorik politik, propaganda politik dan doktrin politik, ia tidak menjanjikan rakyat akan terus memberikan sokongan kepada parti tersebut. Tidak dinafikan bahawa akan wujud penyokong tegar dalam parti politik, tetapi kesetiaan penyokong tersebut boleh berubah jika mereka sudah bosan dengan sikap pemimpin parti atau mendapat tawaran yang lebih lumayan daripada parti lawan. Justeru, adalah sukar untuk mengekalkan identiti enka sebagai muzik klasik dan parti politik sebagai parti pemerintah yang relevan dalam era globalisasi.

### **Enka dan masa depannya**

Jepun boleh berbangga dengan kejayaannya mengekalkan muzik enka sebagai warisan tradisional walaupun dunia sudah memasuki zaman milenium. Pada hari ini, masyarakat dunia bercakap mengenai kepandaian robot, teknologi *drone*, kecerdasan buatan (artificial intelligence), telefon pintar dan pelbagai peralatan canggih yang menggunakan teknologi terkini. Mengapakah Jepun masih lagi dengan pendiriannya hendak mengekalkan keaslian muzik enka sedangkan Malaysia sebagai contoh, telah mula melupakan warisan tradisional seperti boria, ghazal, dondang sayang dan sebagainya. Okada (1991) dalam kajiannya menjelaskan bahawa 'Enka has always been considered a "conservative" type of song' (hlm 283). Kenyataan sebegini adalah benar mengenai enka pada zaman ini kerana tiada apa-apa perubahan yang boleh dilakukan ke atas enka disebabkan sifat semula jadinya yang klasik. Walau bagaimanapun, bagaimana enka boleh mengekalkan identitinya sebagai hiburan tradisional jika tidak mendapat bantuan daripada pihak-pihak tertentu? Justeru, disenaraikan beberapa faktor yang boleh menjelaskan mengapa kerajaan dan masyarakat Jepun bersungguh-sungguh hendak memelihara enka sebagai muzik tradisional.

Pertama, industri enka boleh diklasifikasikan sebagai peluang perniagaan kepada kerajaan dan masyarakat. Kimono merupakan pakaian yang sering dipakai oleh penyanyi wanita semasa persembahan enka dan jika dilenyapkan enka, maka akan hilang identiti kimono. Pakaian tersebut akan hanya kelihatan di majlis-majlis rasmi atau perayaan tahunan sahaja dan ada kebarangkalian kesenian kimono itu akan hilang sedikit demi sedikit. Justeru, kerajaan berpendapat bahawa enka perlu dipelihara dan diteruskan agar mereka yang terlibat dalam industri enka boleh meneruskan perniagaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, kerajaan juga boleh memperoleh pendapatan melalui pelancongan, pelbagai jenis cukai, sewa premis dan sebagainya. Sehubungan itu, enka dilihat sebagai sumber ekonomi yang besar kepada kerajaan, syarikat rakaman dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan hiburan enka. Tambahan pula, kerajaan boleh memanipulasikan sokongan rakyat dengan mengklasifikasikan enka sebagai hiburan tradisional untuk menjaga perasaan rakyat, tetapi dalam masa yang sama mereka boleh menarik undi rakyat untuk terus berkuasa.

Sebagai contoh, rakyat Jepun akan menyambut kedatangan tahun baru dengan mengunjungi jinjya (神社 → kuil) pada malam satu Januari setiap tahun. Suasana di jinjya semakin sesak dengan lautan manusia terutamanya apabila jam menunjukkan hampir pukul 12 tengah malam. Secara umumnya, aktiviti yang dilakukan oleh pengunjung jinjya ialah melafazkan nazar tahun baru sambil melemparkan wang syiling

ke dalam takungan besar yang disediakan oleh pihak kuil. Mengapakah rakyat Jepun sanggup mengunjungi jinjya walaupun mereka mengetahui bahawa suasana di tempat tersebut tersangat sesak, sejuk dan kurang menyenangkan? Memang tidak dinafikan bahawa mengunjungi jinjya merupakan kepercayaan dan adat budaya masyarakat Jepun. Namun, haruskah mereka meraikan kepercayaan tersebut dengan merelakan diri mereka bersesak-sesak dalam lautan manusia? Realitinya, pihak jinjya bijak menyusun agenda yang bersifat serampang dua mata yang membolehkan mereka mendapat keuntungan di sebalik keinginan rakyat menyempurnakan nazar mereka di jinjya. Keuntungan yang diperoleh bukan sahaja dinikmati oleh pihak jinjya, malahan syarikat pengangkutan, gerai makanan, kiosk cenderahati dan hotel juga akan memperoleh laba pada malam tahun baru. Justeru, dengan menjadikan amalan mengunjungi jinjya pada malam tahun baru, maka banyak pihak boleh menjana keuntungan yang sekali gus boleh meningkatkan ekonomi negara.

Kedua, enka boleh dijadikan sebagai senjata hiburan untuk meraih sokongan rakyat. Kerajaan menyedari bahawa hiburan boleh dijadikan sebagai mekanisme untuk meleakakan rakyat yang sekali gus boleh mengehadkan mereka daripada mempersoalkan kesalahan yang dilakukan oleh kerajaan. Oleh itu, kerajaan akan mengatur perancangan bersifat jangka panjang dengan menjalinkan kerjasama bersama syarikat rakaman atau penyiaran untuk memperbanyakkan rancangan hiburan sama ada berbentuk konsert atau disiarkan melalui televisyen. Dengan cara sedemikian, pemikiran rakyat boleh dialihkan dan untuk memastikan golongan yang meminati enka terus memberikan sokongan kepada kerajaan, maka kerajaan akan memastikan bahawa hiburan enka tetap akan terpelihara walaupun gelombang pemodenan sudah merentasi benua Jepun. Dengan cara sedemikian, kerajaan telah mewujudkan sindrom terhutang budi dan rakyat akan berasa serba salah jika mereka tidak memberikan sokongan kepada parti pemerintah. Justeru, muzik boleh dijadikan instrumen yang paling efisien untuk menjalinkan ikatan perhubungan antara rakyat dengan kerajaan. Tambahan pula, pengekalen enka sebagai hiburan tradisional boleh memaksa rakyat secara halus untuk terus memberikan kepercayaan kepada parti pemerintah dan ini membolehkan mereka terus berkuasa.

Sebagai contoh, teknologi telah menyediakan pelbagai platform alam maya untuk membolehkan rakyat menonton dan melayari hiburan tanpa had. Selain dibolehkan melayari hiburan secara percuma, terdapat juga sebahagian hiburan yang perlu dilanggan. Jika dianalisis dari sudut politik, kegilaan kepada hiburan pada tahap yang melampau boleh memberikan keuntungan kepada parti pemerintah. Persoalannya di sini ialah apakah kaitan antara hiburan dengan parti pemerintah dan bagaimanakah parti pemerintah melihat hiburan sebagai satu mekanisme untuk menguncikan mulut rakyat? Parti pemerintah menyedari bahawa kehidupan seharian rakyat boleh disibukkan dengan menyuapkan fizikal mereka dengan hiburan. Selain leka dengan hiburan, rakyat tidak mempunyai masa yang cukup untuk mempersoalkan atau mengikuti perkembangan politik semasa. Hal ini memberikan peluang keemasan kepada parti pemerintah untuk menjalankan pentadbiran mereka tanpa gangguan daripada rakyat, walaupun masih ada pemantauan daripada parti pembangkang. Justeru, parti pemerintah bijak menutup atau mengurangkan rungutan daripada rakyat dengan membiarkan mereka leka dengan hiburan.

Ketiga, enka perlu dikekalkan demi kelangsungan kuasa. Kerajaan Jepun menyedari bahawa enka dikategorikan sebagai semangat (spirit) dan jiwa (soul) masyarakat Jepun yang harus dipelihara. Oleh itu, situasi menang menang (win win situation) mesti dilakukan agar rakyat mendapat hak mereka untuk berhibur dan parti politik memperoleh sokongan rakyat untuk terus berkuasa. Sebagai contoh, LDP pernah mengalami kekalahan dalam pilihan raya umum 1993 kerana kedegilan mereka memperkenalkan cukai pengguna sebanyak 3 peratus pada 1988 (Tomita, Nakamura dan Hrebenar, 1992, hlm 237). Rakyat membantah tindakan LDP, tetapi parti itu tidak mepedulikan luahan rakyat dan akhirnya, rakyat membuat keputusan untuk tidak mengekalkan mereka sebagai parti pemerintah. Sebagai contoh lain, Machiavelli (1989, hlm xxxii) menegaskan bahawa untuk menghalang rakyat daripada melakukan bantahan atau rusuhan, kerajaan harus memastikan keperluan seharian yang mencukupi, pendapatan yang stabil dan peluang pekerjaan yang banyak. Sebagai kerajaan sekular, parti pemerintah Jepun menyedari akan kuasa rakyat dan untuk mengekalkan survival politik mereka, maka mereka akan tetap mengekalkan identiti enka sebagai muzik tradisional walaupun dunia sudah menuju ke abad ke-21. Justeru, kerajaan Jepun bijak memanipulasikan sokongan rakyat dengan menjadikan enka sebagai umpan untuk terus berkuasa.

Sebagai kesimpulan, perniagaan dan kuasa merupakan dua unsur penting yang diperlukan oleh parti pemerintah. Perniagaan merupakan sumber ekonomi untuk menguruskan pentadbiran negara dan melalui sistem perniagaan yang sistematik, kerajaan boleh mewujudkan peluang pekerjaan dan mengutip cukai. Namun, pengurusan yang baik memerlukan kuasa politik kerana tanpa kuasa, sesebuah kerajaan itu tidak mampu melaksanakan dasar atau polisi negara. Justeru, kerajaan memerlukan sokongan rakyat untuk mengekalkan kuasa dan sebagai gantinya, kerajaan akan menunaikan hasrat rakyat seperti memelihara enka sebagai muzik tradisional. Dengan adanya sikap bekerjasama sebegini, maka kerajaan berjaya mewujudkan hubungan dua hala dengan rakyat. Tambahan pula, rakyat akan berpuas hati dengan dasar kerajaan yang peka akan permintaan mereka dan dalam masa yang sama, kerajaan boleh memanipulasikan sokongan rakyat untuk terus berkuasa.

## **Kesimpulan**

Salah satu faktor yang membolehkan Jepun mampu mengekalkan enka sebagai hiburan tradisional ialah dasar negaranya yang stabil walaupun berlaku pertukaran Perdana Menteri daripada LDP kepada parti gabungan anti LDP pada 1993 dan 2009. Sebagai contoh, Shinzo Abe daripada LDP pernah menjadi Perdana Menteri untuk kali pertama pada 2007, tetapi beliau telah kembali ke jawatan yang sama untuk kali kedua pada 2012. Sejak 2007 sehingga 2012, terdapat dua Perdana Menteri daripada LDP dan tiga daripada parti bukan LDP. Realitinya, polisi negara bergantung rapat kepada parti politik yang memerintah dan bukanlah mustahil jika sesebuah dasar itu akan berubah apabila berlakunya perubahan pada Perdana Menteri atau parti pemerintah. Ironinya, kerajaan Jepun berjaya mengekalkan ketradisionalan dalam kemodenan walaupun pemimpin negaranya silih berganti dalam tempoh masa yang pendek.

Senario ini menjelaskan bahawa Perdana Menteri Jepun tiada kuasa untuk melakukan perubahan ke atas dasar negara kerana dasar tersebut dikuasai oleh golongan birokrat, veteran parti dan *zoku* (Saiyid Radzuwan, 2017, hlm 58). Justeru, rakyat Jepun tidak perlu risau akan masa depan enka kerana parti pemerintah di Jepun tidak boleh melakukan sesuatu perubahan tanpa merujuk kepada birokrat. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa enka akan kekal sebagai hiburan klasik kerana Jepun mengamalkan dasar negara yang stabil dan kerajaan melihat enka sebagai sumber ekonomi. Selain itu, enka boleh dijadikan sebagai alat hiburan yang mengasyikkan sehingga membolehkan kerajaan memanipulasi dan menjadikan enka sebagai senjata untuk memperkukuh kuasa. Rakyat akan dialunkan dengan hiburan yang melalaikan dan keadaan ini akan menyebabkan mereka tidak mempedulikan senario yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, kesempatan sedemikian memberikan ruang kepada kerajaan untuk terus berkuasa.

### Senarai rujukan

- Kavanagh, D. (1987). *Budaya politik*. Samaruddin Md. Rejab, terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Langdon, F. Cf. (1967). *Politics in Japan*. Boston.
- Machiavelli, N. (1989). *Penguasa : surat seorang negarawan kepada pemimpin republik*. Muhammad Abu Bakar. Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Tomita, N., Nakamura, A. & Hrebenar, R. J. (1992). The Liberal Democratic Party : The ruling party of Japan. Dlm. Hrebenar, R. J. *The Japanese party system*. (Edisi ke-2, hlm 237-284). United States of America : Western Press.
- Occhi, D. J. (2000). *Namida, sake and love : emotional expressions and Japanese enka music. Ph.D dissertation*. University of California.
- Okada, M. (1991). Musical characteristics of enka. *Popular Music*. 10 (3) : 283-303.
- “Orikon” (original confidence). (1993). *Orikon Nenkan 1993 Nenban. Chaato Deeta '92*. (Oricon 1993 Yearbook. Chart data '92). Tokyo : Orikon.
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2017). *Kejatuhan dan kebangkitan Parti Demokratik Liberal : puak gabungan politik Jepun*. Bangi : Penerbit UKM.
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2017). *Politik Jepun : birokrat dan dasar*. Dlm. Kartini Aboo Talib @ Khalid (pynt). *Dasar pandang ke Timur : pencapaian adaptasi dan cabaran*. (hlm 40-59). Bangi : Penerbit UKM.
- Shamoon, D. (2014). Recreating traditional music in postwar Japan : a prehistory of enka. *Japan Forum*. 26 (1) : 113-138.
- Wajima, Y. (2010). *Tsukurareta 'Nihon no kokoro' shinwa : Enka o meguru sengo taishu ongakushi*. Tokyo : Kobunsha.
- Yano, C. R. (1997). Inventing selves : images and image-making in a Japanese music genre. *Journal of Popular Culture*. 31 (2) : 115-129.
- Yano, C. R. (2002). *Tears of longing : nostalgia and the nation in Japanese popular song*. Cambridge, MA : Harvard University Press.